



PROGRAM KOLIBRI

“Penjara Sebagai Tempat Berdaya Huni, Selamat dan Menginspirasi Harapan”
“Prison a livable place, safe and inspiring hope”



JABATAN PENJARA MALAYSIA



PROGRAM KOLIBRI

Jabatan Penjara Malaysia

Apa itu Program Kolibri?

Program Kolibri merupakan identiti nasional bagi pelaksanaan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) seperti Parol, Orang Bebas Berlesen (OBB), Pembebasan Banduan Secara Lesen (PBSL), Program Reintegrasi Penghuni (PRP), Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dan Rumah Perantaraan. Inisiatif ini juga berasaskan pendekatan Biopsikososialspiritual (BPSS) serta menyokong kesinambungan **Yellow Ribbon Project**.

“Penjenamaan Program Kolibri sebagai kesinambungan dan perluasan kepada **Yellow Ribbon Project**, memberikan wajah baharu kepada naratif pemulihan dan menampilkan pendekatan yang lebih bermakna kepada bekas prospek...”



Logo Burung Kolibri

Penggunaan simbol Burung Kolibri dicadangkan sebagai simbol harapan, reformasi dan peluang kedua kepada banduan apabila dibebaskan. Burung Kolibri melambangkan ketahanan, ketangkasan, kebebasan, dan keupayaan untuk berubah arah dalam kehidupan. Burung ini juga mampu terbang ke belakang dan ke hadapan bagi menggambarkan kemampuan banduan untuk menilai masa lalu dan maju ke hadapan dengan azam baharu.

Teras Nilai MADANI

Kemampuan - Menekankan pemulihan jangka panjang

Kesejahteraan - Meningkatkan kesejahteraan hidup

Hormat - Layanan tanpa prejudis

Daya cipta - Pendekatan pemulihan bersepadu (BPSS)

Keyakinan - Kepercayaan masyarakat terhadap banduan

lhsan - Bimbingan rohani, emosi, kasih sayang & simpati



Tatacara Pemakaian:

Pin logo hendaklah dipakai kemas di bahagian kocek kanan uniform, selaras dengan kedudukan yang ditetapkan dalam peraturan pemakaian rasmi.



BENTUK BURUNG KOLIBRI

Melambangkan ketahanan, ketangkasan, kebebasan dan keupayaan untuk berubah, ciri penting dalam proses pemulihan. Burung kolibri yang kecil tetapi kuat ini menggambarkan semangat yang tidak mudah mengalah serta keyakinan bahawa setiap banduan yang diberi peluang kedua mampu berubah dan menyumbang secara positif.



SAYAP YANG TERBUKA

Melambangkan kebebasan selepas tempoh pengasingan, simbol ini menggambarkan banduan yang bersedia memulakan hidup baharu tanpa dibelenggu masa lalu.

WARNA KUNING KEEMASAN

Dari sudut psikologi, warna ini meningkatkan keyakinan, mencetuskan motivasi dalaman dan mewujudkan suasana optimis dalam proses transformasi, di samping mengekalkan kesinambungan dengan Yellow Ribbon Project.



Penyematan pin Kolibri sempena MKKI 2025 oleh YBhg. Dato' KJP.

PELAKSANAAN PROGRAM KOLIBRI

Program Kolibri dilaksanakan melalui enam teras utama BPSS, diperkaya dengan kreativiti dan vokasional, bagi memastikan pemulihan holistik yang membentuk kehidupan baharu banduan yang bermakna dan produktif dalam masyarakat.

Teras Biologi

Menekankan kesihatan, pemakanan seimbang, kecergasan fizikal, senaman rutin dan pengurusan stres untuk meningkatkan daya tahan fizikal serta kesejahteraan emosi dan motivasi banduan.

Teras Psikologi

Fokus pada pembangunan diri melalui terapi, kesedaran sendiri, pengurusan trauma dan stres, membantu banduan membina pemikiran positif dan tingkah laku sihat jangka panjang.



Teras Sosial

Menekankan kemahiran interpersonal, pemulihan hubungan keluarga, dan pengukuhan jaringan komuniti sebagai sokongan penting untuk kejayaan reintegrasi banduan.

Teras Spiritual

Memberi ruang kepada banduan untuk meneroka makna hidup, nilai murni dan identiti diri, melalui refleksi dan pembinaan tekad bagi membentuk arah hidup yang mantap dan bermaruah.

Teras Kreativiti

Menekankan ekspresi emosi melalui seni, muzik, penulisan dan drama untuk membina keyakinan diri, menyembuhkan dalaman, dan mengembangkan potensi tersembunyi banduan.

Teras Ekonomi (Vokasional)

Menekankan latihan kemahiran, literasi kewangan dan keusahawanan bagi membolehkan banduan berdikari dan mengurangkan risiko pengulangan jenayah selepas pembebasan.
